

Dasar Industri Pertahanan Negara pulih keyakinan kukuh kedaulatan



Dehan Pusat Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Nazariah Osman
bhrencana@bh.com.my

Peluncuran Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) menandakan satu detik penting dalam perjalanan strategik Malaysia memperkukuh kedaulatan dan keselamatan nasional. Dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dasar ini adalah pernyataan jelas negara sedang melangkah ke fasa baharu mengurus dan pembangunan pertahanan lebih berwibawa, berdisiplin dan berpandangan jauh.

Dalam ucapan alu-aluan, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, dengan jujur mengakui realiti dunia hari ini semakin rapuh, tidak menentu dan kompleks. Konflik geopolitik, peperangan asimetrik, ancaman siber serta ketidakpastian rantai bekalan global membuktikan kebergantungan mutlak kepada pihak luar bukan lagi pilihan selamat.

Dalam konteks inilah DIPN dirangka sebagai respons strategik kepada keperluan sebenar negara. Setiap ringgit perolehan pertahanan kepada Kementerian Pertahanan (MINDEF) perlu dipastikan memberi pulangan strategik jangka panjang kepada pemindahan teknologi, pembangunan industri dan peningkatan kapasiti nasional.

Kehadiran Perdana Menteri dalam majlis peluncuran DIPN pula adalah isyarat politik paling jelas bahawa kerajaan meletakkan agenda pertahanan sebagai kepentingan nasional utama. Dalam landskap politik sering terdedah kepada persepsi dan spekulasi, sokongan terbuka ini menutup sebarang keraguan terhadap keseriusan kerajaan.

Malah, komitmen ini diperkukuh melalui kepemimpinan Menteri Pertahanan yang menegaskan isu hangat atau tekanan semasa tidak akan mengganggu fokus pembinaan semula sistem pertahanan negara. Pendekatan ini mencerminkan kepimpinan matang yang tidak defensif, tetapi berorientasikan penyelesaian dan reformasi struktur.

Kekuatan utama DIPN terletak pada pembinaan ekosistem industri pertahanan menyeluruh, bukan bergantung kepada satu instrumen sahaja.

Pertama, reformasi perolehan diperkenalkan dengan tegas. Keperluan kandungan tempatan minimum 30 peratus, larangan pembabit Pengilang Peralatan Asal (OEM) asing dalam aktiviti Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih (MRO) kecuali dalam tempoh jaminan serta penamatan kontrak kepada syarikat tempatan yang gagal berinovasi menunjukkan satu perubahan budaya, iaitu tiada lagi kompromi terhadap kepentingan negara.

Kedua, pemindahan teknologi melalui Program Kolaborasi Industri (ICP) dilaksanakan secara selektif dan berimpak. Pendekatan ini menamatkan amalan pemindahan teknologi bersifat kosmetik, sebaliknya memastikan hanya syarikat benar-benar berkeupayaan menerima dan memanfaatkan teknologi strategik.

Ketiga, penyelidikan dan pembangunan (R&D) diangkat sebagai teras dengan peranan Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) diperkukuh serta disokong pembiayaan melalui ICP. Ini penting untuk mengubah landskap industri daripada sekadar penyelenggaraan kepada penciptaan nilai dan inovasi teknologi.

DIPN juga tidak menjual mimpi kosong. Menteri Pertahanan dengan jelas menyatakan Malaysia tidak bercita-cita membina pesawat tempur sendiri dalam sekelip mata, sebaliknya pendekatan realistik diambil dengan membangunkan komponen, sistem dan perkhidmatan strategik.

Pengumuman projek nasional seperti satelit pertahanan tempatan, sistem laser, pembuatan casis kenderaan darat, radar pasif, *loitering munition*, *simulator* pertahanan dan keupayaan pemasangan persenjataan menunjukkan perancangan berperingkat munasabah. Inilah asas sebenar kemandirian, iaitu membina keupayaan sedikit demi sedikit, tetapi konsisten dan berfokus.

DIPN itu sendiri pula diselaras dengan Kertas Putih Pertahanan, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP), prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) serta integrasi kecerdasan buatan (AI). Empat misi utama dan pemacu strategik digariskan memastikan dasar ini boleh diukur, dipantau dan dinilai.

12 inisiatif dirangkum empat kluster besar

DIPN juga datang bersama set inisiatif strategik yang jelas, yakni 12 'enjin pelaksanaan' yang mengikat prinsip kepada tindakan. Semua 12 inisiatif ini pula dirangkum dalam empat kluster besar: iaitu Memulihkan Integriti & Ketelusan (Tadbir Urus); Mengubah Struktur Industri; Dari Vendor ke Berimpak Nilai; Bekan & ICP; Pemindahan yang Berimpak; Tindakan 'Atas Kertas' serta Mengantarabangsakan Malaysia & Menjaga Kebajikan Wira Negara.

Satu lagi faktor membuat rakyat tidak perlu bimbang ialah DIPN tidak dilancar tanpa *road-map*. Ia digerakkan melalui empat fasa pelaksanaan bersifat *build-up* daripada asas, mengukuh,

mengembang hingga matang.

Fasa 1: Penetapan Asas & Pembangunan Polisi ialah fasa 'kemas rumah'. Fokusnya ialah membina kerangka tadbir urus, menyelaraskan peranan kementerian - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) - industri-R&D, memperkasa Majlis Industri Pertahanan (MIP), menambah baik dasar perolehan serta memperkenalkan petunjuk prestasi utama (KPI) yang jelas.

Fasa 2: Pengukuhan Industri & Kemajuan Teknologi menghidupkan agenda industri dengan menaik taraf kapasiti pembuatan, memodenkan kemudahan, memantapkan rantai bekalan serta mengangkat R&D dalam AI, autonomi, siber dan perenggan elektronik. ICP diperkukuh supaya pemindahan teknologi betul-betul menjadi 'lonjakan'.

Dalam Fasa 3: Pengembangan Keupayaan & Ketersediaan Industri pula, industri tempatan mula beralih daripada pembekal sokongan kepada pengeluar/penyepadu sistem yang lebih bernilai. Subsektor kritikal (aeroangkasa, maritim, darat, angkasa, siber) diperkukuh dan integrasi ke rantai bekalan global serta Kerjasama Industri Pertahanan ASEAN (ADIC) diperluas.

Terakhir, Fasa 4: Pengoperasian Penuh & Daya Saing Global ialah fasa kematangan yang industri mencapai tahap mampu menghasilkan, berinovasi dan mengeksport secara mampan dengan pematuan standard antarabangsa, ESG, tadbir urus telus dan pembiayaan stabil. Pada tahap ini, kebergantungan import berkurang dan autonomi strategik negara meningkat.

Melalui 12 inisiatif strategik disusun dalam 4 fasa pelaksanaan ini jelas bahawa DIPN adalah satu rangka kerja padu mampu memulihkan integriti perolehan, memaksa inovasi industri tempatan, menjadikan ICP/R&D berimpak, mengangkat Malaysia dalam rantai serantau dan global serta menjaga bakat serta kebajikan veteran ATM.

Dalam konteks ini, pujian wajar diberikan kepada Menteri Pertahanan dan pasukan MINDEF yang bukan sahaja berani 'membersihkan' ekosistem, tetapi juga menyusun dasar lengkap, berfasa dan boleh dipantau.

Dengan disiplin seperti ini, rakyat tidak perlu bimbang apa-apa, sebaliknya mereka boleh meyakini pertahanan Malaysia sedang dipandu ke arah yang lebih mantap dan berdaulat.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

“ Menteri Pertahanan dengan jelas menyatakan Malaysia tidak bercita-cita membina pesawat tempur sendiri dalam sekelip mata, sebaliknya pendekatan realistik diambil dengan membangunkan komponen, sistem dan perkhidmatan strategik ”



Antara aset yang dipamerkan pada Majlis Peluncuran Dasar Industri Pertahanan Negara di Kuala Lumpur, kebetulan, (Ong Guan Nam)